



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

9 Februari 2016

## **Kenyataan Media Berhubung Prosiding Kawalan Pengurusan Urus Tadbir Syarikat 1MDB**

- 1) Saya sudah memaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) yang lepas bahawa prosiding membabitkan Tan Sri Bakke Salleh dan Datuk Shahrol pada 11 dan 12 Februari ini adalah yang terakhir di bawah tajuk Pengurusan Kawalan Urus Tadbir Syarikat 1MDB.
- 2) Ia memandangkan prosiding membabitkan syarikat 1MDB ini, sudah berlarutan lama sejak Mei 2015 dan mengikut kefahaman serta perkiraan saya, maklumat yang diterima daripada Sembilan prosiding sebelum ini, sudah mencukupi untuk PAC membuat rumusan yang objektif, telus dan adil.
- 3) Pada masa sama, Ketua Audit Negara akan membentangkan Laporan Akhir Pengauditan Terhadap 1MDB pada 24 serta 25 Februari ini, dan sudah pasti PAC memerlukan masa untuk meneliti selain menilai laporan akhir berkenaan. Lagipun laporan Ketua Audit Negara ini, sangat penting kerana ia merupakan sumber utama sebagai rujukan kepada PAC dalam membuat rumusan sebelum dibentangkan ke Parlimen nanti.
- 4) Berhubung kenyataan ahli PAC, YB Tony Pua mengenai keperluan memanggil bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Mohd Hazem Abdul Rahman dan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz bagi memberi keterangan kepada PAC berhubung dalam prosiding 1MDB, ia sebenarnya tidak berapa sangat diperlukan.
- 5) Ia disebabkan segala isu ketika Mohd Hazem menjadi CEO 1MDB sudah dijawab Pengerusi 1MDB, Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin ketika prosiding pada 19 dan 20 Januari lalu. Saya berpandangan sebagai Pengerusi 1MDB, beliau bertanggungjawab untuk mengetahui secara mendalam operasi syarikat. Sehubungan itu, semua maklumat dan jawapan yang diberikan Pengerusi 1MDB sudah mencukupi untuk PAC membuat rumusan berhubung dengan urus tadbir 1MDB. Selain itu, apabila Ketua Audit Negara telah membentangkan laporan akhirnya kepada PAC, mana-mana perkara dan maklumat yang perlu jawatankuasa ini dapati, bolehlah PAC mengarahkan Jabatan Audit Negara untuk menyusuni dan mendapatkan fakta tersebut sebagai tambahan lagi.
- 6) Selain itu, mengenai isu 1MDB di bawah Bank Negara pula, perkara berkenaan sudah dijelaskan oleh 1MDB secara terbuka dalam media massa dan ianya sudah mendapat ulasan daripada Peguam Negara serta sudah dilaporkan media massa juga secara terbuka dan meluas.
- 7) PAC bercadang untuk membentangkan laporan berhubung 1MDB ini ke Parlimen dalam sesi Dewan Rakyat yang akan bermula Mac ini hingga April ini.

- 8) Walaubagaimanapun, YB Tony Pua boleh membangkitkan ini dalam prosiding PAC yang akan datang dan jika ahli-ahli PAC bersetuju untuk memanggil lebih ramai lagi saksi, ia terpulang kepada jawatankuasa ini tetapi yang pasti, ia boleh melambatkan proses rumusan sekaligus menyebabkan hasrat saya dan PAC untuk membentangkan Laporan PAC berhubung Pengurusan Kawalan Urus Tadbir 1MDB dalam sesi Parlimen akan datang tidak akan tercapai.